

PROGRAM PENGAJIAN PASCA SISWAZAH



Daily Express, Tuesday, 8th July 1997

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERMOHONAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN PASCA SISWAZAH (SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH) DAN GERAN PENYELIDIKAN BAGI SEMESTER 2 SESI 1997/98 MULAI OKTOBER 1997

PROGRAM PENGAJIAN

Program Sarjana dan Doktor Falsafah sepenuh masa akan dijalankan melalui Penyelidikan dan Penyediaan Tesis sahaja.

SEKOLAH DAN BIDANG PENGAJIAN

SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI

Pembuatan Termaju
Bahan Termaju
Bioteknologi
Tenaga dan Alam Sekitar

KELAYAKAN MASUK

PROGRAM SARJANA

Calon mestilah memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang baik atau kelayakan yang setaraf dalam bidang yang dipohon dari universiti yang diiktiraf.

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH

Calon mestilah memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang yang dipohon dari universiti yang diiktiraf.

Kelayakan-kelayakan lain setaraf berserta dengan pengalaman yang sesuai boleh juga dipertimbangkan.

GERAN PENYELIDIKAN

KEMUDAHAN

Universiti Malaysia Sabah telah mendapat peruntukan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membantu pelajar-pelajar mengikuti program sepenuh masa di sekolah dan dalam bidang seperti yang dinyatakan di atas.

Kadar elaun adalah seperti berikut:

Sarjana	RM1,400.00 sebulan
Ph D	RM1,600.00 sebulan

Calon-calon yang berjaya dikehendaki membantu dalam pengajaran dan penyelidikan di sekolah / pusat / unit penyelidikan.

Yuran pengajian bagi tempoh lantikan dikecualikan.

KELAYAKAN

1. Calon yang telah diterima masuk.
2. Tidak bekerja atau tidak ada bantuan kewangan daripada mana-mana jabatan atau agensi.
3. Permohonan terbuka kepada mana-mana calon tempatan atau luar negara. Bagi calon luar negara perlu memiliki visa bertaraf 'professional visit'.

BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan Program Pengajian Pasca Siswazah boleh didapati dari:

Unit Pengajian Pasca Siswazah
Universiti Malaysia Sabah
Tingkat 9, Gaya Centre
Jalan Tun Fuad Stephens
Beg Berkunci 2073
88999 Kota Kinabalu

Tel: 088-260741 (4 talian)
Faks: 088-264309

Borang permohonan boleh didapati melalui pos dengan menyertakan satu sampul surat berukuran 27sm x 20sm yang beralamat sendiri dan berselem 50 sen.

Permohonan untuk mengikuti Program Sarjana dan Doktor Falsafah hendaklah disertakan dengan bayaran pemerosesan sebanyak RM15.00 dalam bentuk wang tunai, wang pos Malaysia atau kiriman wang dan dibayar kepada Bendahari Universiti Malaysia Sabah.

TARIKH TUTUP

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke Unit Pengajian Pasca Siswazah pada atau sebelum 16 Ogos 1997.